

28 FEB 1997

Lim-Ganjaran

SYOR GANJARAN BAGI PEKERJA YANG TAAT

PETALING JAYA, 28 Feb (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia telah merumuskan satu cadangan bagaimana pekerja-pekerja di sektor awam dan swasta yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun boleh diberi ganjaran.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata, cadangan itu sedang diedarkan kepada Kementerian-kementerian berkaitan dan akan dikemukakan kepada Kabinet untuk diluluskan.

"Saya berpendapat, kita akan dapat mengemukakannya kepada Kabinet kelak dan butir-butir lanjut cadangan itu akan diumumkan kemudian," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan skim kemahiran dan kemajuan kerjaya anggota bukan eksekutif Telekom Malaysia di Subang Jaya dekat sini.

Lim berkata, cadangan itu dibuat ekoran arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama dahulu.

"Ia adalah bagi menggalakkan mereka (pekerja) untuk terus berkhidmat dengan syarikat itu dan meneruskan sikap taat setia mereka di syarikat yang mereka bekerja," kata beliau.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohamed Said Mohamed Ali berkata, skim kemahiran dan kemajuan kerjaya itu dirumuskan untuk menghadapi perubahan dalam teknologi dan industri telekomunikasi.

Mohamed Said berkata, beliau membayangkan yang set telefon biasa tidak lagi berguna pada dekad akan datang dan skim itu perlu bagi melengkapkan para pekerjanya dengan kemahiran baru.

Telekom Malaysia telah menetapkan matlamat menjelang tahun 2000, lebih kurang 60 peratus daripada kakitangan bukan eksekutifnya mencapai tahap pelbagai-kemahiran. -- BERNAMA

AFY RM